

3 BUAH SYARIKAT DI BERIKAN AMARAN, 2 BUAH SYARIKAT DIKENAKAN DENDA KOMPAUN DI BAWAH PERATURAN- PERATURAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA [KOMPOSISI KESALAHAN], 2018

Dari 3 buah syarikat yang telah diberikan amaran, 2 buah syarikat telah dikenakan denda kompaun kerana tidak mematuhi amaran pihak yang berkuasa dan telah melanggar Peraturan – Peraturan Perancangan Bandar dan Desa [Komposisi Kesalahan], 2018 iaitu meletakkan, menggunakan, menghalang, mempamerkan barang-barang di kawasan kawasan kaki lima yang boleh mengundang bahaya akibat dari keadaan kawasan yang licin serta kotor. Kegiatan seperti ini juga boleh menjejaskan nilai aestetik dan kecantikan kawasa-kawasan perniagaan di negara ini.

Kesalahan – kesalahan tersebut telah dikenalpasti semasa operasi Kemas (OPKEMAS) yang dijalankan oleh pihak Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Daerah Brunei-Muara pada 21 Julai 2025.

Untuk makluman orang ramai, denda bagi setiap satu kesalahan adalah sejumlah wang tidak melebihi \$500.00 dan diberikan tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kompaun dikeluarkan untuk menjelaskan denda-denda tersebut.

Pihak Autoriti Perancang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan mengingatkan orang ramai khususnya syarikat dan pemilik-pemilik bangunan perniagaan dan industri untuk sama-sama sentiasa mematuhi undang-undang perancangan bagi memastikan keindahan, kebersihan serta keselamatan kawasan perniagaan di Negara ini untuk sentiasa di jaga. Sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di talian 8200222. .

- TAMAT -